

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HSK 402 Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Banding dan bezakan pensejarahan Yunani dan Rom, sejauhmanakah sejarawan Yunani adalah lebih maju daripada sejarawan Rom?
2. Agama Kristian telah membelunggukan bidang sejarah kepada suatu pendekatan yang sempit. Bahaskan.
3. Apakah ciri-ciri istimewa yang membezakan Aliran Annales daripada aliran pensejarahan yang sebelumnya?
4. Bincangkan pendekatan Ibn Khaldun ataupun Ssu Mah Ch'ien terhadap bidang pensejarahan dan sejauhmanakah sumbangan salah satu daripada mereka memantapkan pensejarahan.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Sejauhmanakah dapat anda setuju bahawa tugas utama ahli sejarah ialah mencapai rakaman yang setepat mungkin bagi perkara-perkara yang sudah berlaku?

6. Mengikuti Christopher Lloyd kajian tindakan manusia mesti membawa kepada kajian semua aspek struktur masyarakat. Utlaskan ketepatan pandangan ini bagi bidang sejarah.
7. Apakah, pada pandangan anda, usaha mencari hukum am maupun penyeluruhan dalam sejarah bercanggah dengan keistimewaannya, iaitu mengkaji kehidupan atau tindakan manusia yang khusus bagi satu masa dan tempat yang tertentu?
8. Setujukah anda dengan pandangan bahawa penulisan sejarah sentiasa dipengaruhi oleh soal nilai, ideologi dan kuasa? Bagaimanakah objektiviti dapat difahamkan dalam konteks demikian?

-oooOOOooo-